

TERMA DAN SYARAT PERADUAN EXTRA PERAH OTAK BERSAMA MADU D5

1. STESEN RADIO : Husa Network Sdn Bhd (Manis Fm)

2. NAMA PERADUAN : 'Peraduan Menang Extra Perah Otak Bersama MADU D5'

3. HURAIAN RINGKAS PERADUAN :

Rancangan Ini adalah peraduan atas talian untuk berpeluang memenangi wang tunai RM100 setiap hari dengan hanya menjawab soalan mudah berkaitan MADU D5 yang akan diberikan oleh Ezaq, Wadi dan Fieqa.

4. MEKANISME RINGKAS PERADUAN

a) Peka dengan kata kunci yang diberikan oleh Ezaq, Wadi dan Fieqa di Segmen Manis Sokmo dan Manis Manis Pagi

b) Tunggu isyarat memanggil Extra Perah Otak Bersama Madu D5 dikeudarkan

c) Jadi Pemanggil Terpantas Dan Hubungi Talian 09-6241008 untuk menjawab soalan

d) Jawab Soalan Mudah Yang Diberikan dalam masa 7 saat, jika jawapan anda betul anda bakal menang duit bernilai RM100. Jika salah wang akan dibawa ke hari seterusnya.

5. KRITERIA KELAYAKAN

a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah.

b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.

6. KETIDAKLAYAKAN GOLONGAN BERIKUT TIDAK LAYAK UNTUK MENYERTA PERADUAN INI: -

a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik Husa Network Sdn Bhd (Manis Fm).

b) Tempoh masa yang diberikan untuk pemenang untuk menyertai peraduan di bawah Husa Network Sdn Bhd (Manis Fm) adalah seperti berikut:

Ahli-ahli keluarga yang terdekat tidak layak untuk mengambil bahagian dalam apa-apa pertandingan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bermakna hanya seorang ahli dari setiap keluarga adalah layak untuk hadiah pada satu-satu masa. Sekiranya keadaan ini timbul, pemenang pertama yang memenangi pertandingan di kalangan ahli keluarga yang sama akan menjadi satu-satunya yang layak untuk hadiah

i. Peserta yang pernah memenangi mana – mana peraduan di Manis FM sebelum ini (tahun 2022) tidak boleh menyertai lagi mana – mana peraduan di Manis FM dalam tempoh 6 bulan. Setelah 6 bulan berikutnya, peserta layak menyertai peraduan seterusnya.

2 (a) Husa Network Sdn Bhd (Manis Fm) mempunyai hak muktamad untuk membatalkan atau membatalkan kelayakan pemenang dengan berulang memenangi penyertaan dalam bulan yang sama tanpa sebarang notis.

(b) Peserta bertanggungjawab sepenuhnya untuk memerhati tempoh yang sah.

Manamana 2 pemenang dengan nombor telefon yang sama akan dianggap sebagai penipuan, dan kedua-dua akan dibatalkan secara automatik dan tanpa pemberitahuan.

7. UMUR KELAYAKAN

a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Peraduan.

b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budi bicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit :

- Caj Caj telekomunikasi lazim yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi Peserta.
- Tempoh Peraduan 18 Mei 2022 – 31 Mei 2022 .

Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlaknyanya.

8. BAHASA PERADUAN : BAHASA MALAYSIA

9. Pemakluman Pemenang, pemenang akan dimaklumkan selepas Peraduan.

10. Pembayaran kepada pemenang akan dibuat oleh pihak Madu D5 selepas maklumat lengkap diperolehi daripada pemenang dan peraduan tamat sepenuhnya.